

PENDIDIKAN BERASASKAN IMAN: PERSPEKTIF SURAH LUQMAN MENURUT TAFSIR AL-AZHAR

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

zahiruddinzabidi@um.edu.my

ABSTRAK:

Pendidikan berasaskan iman merupakan satu konsep yang menekankan pembentukan keperibadian dan moral individu berdasarkan nilai-nilai agama. Kajian ini membincangkan perspektif Surah Luqman dalam konteks *Tafsir Al-Azhar* mengenai pendidikan berasaskan iman. Surah Luqman, yang intipatinya merangkumi nasihat Luqman kepada anaknya, memberikan panduan komprehensif mengenai aspek-aspek penting dalam pendidikan yang berteraskan keimanan, termasuk pengukuhan akidah, akhlak mulia, dan tanggungjawab sosial. *Tafsir Al-Azhar*, yang ditulis oleh HAMKA (1908-1981), menawarkan interpretasi yang mendalam dan relevan dengan konteks masyarakat moden, menjadikan ia sebagai rujukan penting dalam memahami bagaimana prinsip-prinsip keimanan dapat diaplikasikan dalam pendidikan. Kajian ini menganalisis ayat-ayat dalam Surah Luqman serta huraiannya daripada *Tafsir Al-Azhar* untuk menyoroti kepentingan pendidikan berasaskan iman dalam membentuk individu yang berakh�ak dan berwawasan.

Kata Kunci: Pendidikan Berasaskan Iman, Surah Luqman, Tafsir Al-Azhar, Akhlak, Keimanan, Pendidikan Islam, HAMKA.

Pengenalan

Islam sebuah agama yang memberikan penekanan yang khusus terhadap hal ehwal berkaitan hubungan dan tanggungjawab kekeluargaan. Bermula daripada tanggungjawab dan kewajipan sebagai seorang suami kepada isteri, isteri kepada suami, ibu bapa kepada anak, anak kepada ibu bapa dan seterusnya. Hal ehwal begini biasanya kemudian telah dibincangkan khusus oleh para ulama Islam dalam bab Fiqh Kekeluargaan Islam.

Karya ensiklopedia fiqh antara yang terbesar pada zaman moden ini karangan almarhum Wahbah Mustafa al-Zuhayli (1932-2015) bertajuk *al-Fiqh al-Islami wa 'Adillatuhu* telah memasukkan topik ini dalam bab-bab terakhir perbahasan tentang hukum-hakam pernikahan, talak, *khuluk*, meng '*illa* isteri, *li 'an*, *zihar*, *'iddah*, hak-hak anak, wasiat, wakaf, dan warisan. Sebuah lagi kitab fiqh yang menghimpunkan perbahasan Fiqh Syafie secara komprehensif pada zaman moden ini ialah kitab *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Shafi'i*, tulisan Mustafa al-Khin, Mustafa Dib al-Bugha dan Ali Syarbaji.

Kedua-dua karya penting fiqh Syafie zaman moden ini sudah diterjemahkan dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Cuma dari sudut penerbitan, terbitan versi bahasa Melayu di Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah tidak lengkap.

Lama sebelum lahirnya kitab-kitab moden ini, Amirul Mukminin fi al-Hadith al-Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari (194-256H/810-870M) telah Menyusun sebuah kitab hadith yang berjudul *al-Adab al-Mufrad*. Ia adalah kitab himpunan hadith-hadith berkaitan adab dan amal yang tidak melibatkan aqidah dan hukum-hakam syarak secara khusus. Kitab tersebut dimulai dengan *Kitab al-Walidayn* (Ibu Bapa) yang mempunyai sebanyak 46 hadith semuanya. Kitab ini dimulakan dengan (Bab: Firman Allah taala: بَلْ قُولِهِ تَعَالَى: {وَوَصَّيْنَا إِلَيْسَانَ بِوَالدِّيَهِ حُسْنًا}) and diakhiri dengan (Bab: Kami Perintahkan Manusia Memuliakan Kedua Ibu Bapa Mereka) and diakhiri dengan (Bab: Bolehkah Seorang Anak Memanggil Kunyah Ayahnya?).

Kedudukan Ibu Bapa dalam Islam

Jujukan ayat al-Quran dan hadith sebagaimana yang dinukilkhan dalam kitab *al-Kabair* yang menghimpunkan *Dosa-dosa Besar* oleh al-Zahabi (673-784H/1274-1348M) memasukkan derhaka kepada ibu bapa antara dosa besar yang utama. Lihat firman Allah dan Sabda Rasulullah ﷺ yang mengisyaratkan dengan jelas tentang kewajipan taat kepada ibu bapa. Al-Zahabi (2017: 31) memasukkan dosa derhaka kepada ibu bapa di tangga ke-8 dalam susunan 73 dosa besar. Beliau memulakan bab tersebut dengan menukilkhan firman Allah ﷺ:

﴿ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْذِبُوا إِلَّا أَيَّاهُ وَبِالْأَدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلاًهُمَا فَلَا تُقْتَلُ أَهْمَّا أَفْتَ وَلَا تَتَبَرَّهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (٢٣) وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنَ الْرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمَهُمَا كَمَا رَبَّيْنَا صَغِيرِهِمْ (٢٤) ﴾

Terjemahan: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). (23) Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencerahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil. (24)”

(Surah al-Isra' 17: 23-24)

Secara umum beberapa perintah oleh Allah ﷺ secara jelas terdapat dalam ayat di atas iaitu:

- i. Tidak boleh menyembah selain Allah ﷺ
- ii. Wajib berbuat baik kepada kedua ibu bapa
- iii. Jangan bercakap dengan kasar khususnya kepada ibu bapa yang sudah tua
- iv. Tidak boleh menengking dan menyergah mereka
- v. Bercakap dengan memuliakan mereka
- vi. Berdoa untuk mereka

Namun ketaatan kepada kedua ibu bapa tidak mutlak, ia adalah kenyataan yang bersyarat. al-Zahabi (2017: 31-32) mnukilkhan firman Allah ﷺ:

﴿ وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالَّدَيْهِ حُسْنَتْ وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِيْ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِمُهُمَا إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَإِنِّيْكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (٨) ﴾

Terjemahan: “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan Daku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.”

(Surah al-Ankabut 29: 8)

Ayat ini jelas menyatakan bahawa meskipun Allah ﷺ mewajibkan ketaatan kepada kedua ibu bapa, namun jika kedua-dua ibu bapa memerintah sesuatu hal yang menyebabkan syirik kepada Allah ﷺ maka ketaatan kepada mereka adalah terbatas dalam hal tersebut. Ini tidak pula bermaksud dalam hal selain daripada itu pun, perlu diingkari. Ia khas hanya dalam hal yang melibatkan kesyirikan kepada Allah ﷺ. Contohnya, seorang yang masuk Islam dan masih mempunyai ibu bapa yang bukan Islam, ibu bapanya memaksa untuk kembali kepada agama asal maka hal ini tidak boleh ditaati. Namun dalam hal-hal lain, ibu bapa bukan Islam tersebut tetap wajib ditaati.

Seterusnya al-Zahabi (2017: 32-37) mendatangkan pelbagai riwayat hadith yang mengisyaratkan tentang kewajipan taat kepada ibu bapa dan tahap dosa derhaka kepada kedua-dua mereka. Apabila Rasulullah ﷺ mengatakan dosa besar antara dosa-dosa besar (*akbar al-kabā'ir*), baginda memasukkan derhaka kepada ibu bapa satu daripadanya sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Ditegaskan juga dalam riwayat Ibn Hibban daripada Abdullah bin Amru bahawa keredaan dan kemurkaan Allah ﷺ terletak atau berkait dengan keredaan dan kemurkaan seorang ayah. Hal ini membetulkan persepsi bahawa ketaatan kepada ayah tidak lebih penting daripada ketaatan kepada ibu.

Namun tidak dapat dinafikan ketikamana Rasulullah ﷺ membicarakan tentang keutamaan seorang ibu, baginda telah mengkiaskan bahawa syurga itu di bawah kedua-dua telapak kaki ibu. Hal ini sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i melalui Muawiyyah bin Jahimah al-Salami ketika Jahimah menyatakan hasrat ingin ikut serta dalam perperangan, Rasulullah ﷺ telah bertanyakan jika dia masih mempunyai ibu dan beliau menjawab ya. Rasulullah ﷺ menyuruhnya balik menjaga ibunya tersebut dengan mengatakan bahawa syurga itu di bawah kedua-dua telapak kaki seorang ibu.

Meskipun ada setengah hadith menyebut hanya tentang ibu dan ada hadith hanya tentang ayah, namun kebanyakan hadith adalah tentang ketaatan kepada kedua-duanya secara sekali gus termasuk ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan sebelum ini. Ia tidak bermaksud seseorang anak itu perlu memilih seorang sahaja antara kedua-duanya dalam mentaati mereka, cuma antara kedua-duanya perhatian kepada seorang ibu perlulah sedikit lebih berbanding seorang ayah.

Terhadap banyak lagi hadith yang dikemukakan oleh al-Zahabi dalam bab ini melalui kitab *al-Kabā'ir* dan ia boleh diperkayakan lagi dengan hadith yang al-Bukhari masukkan dalam kitab *al-Adab al-Mufrad* beliau. Meskipun tidak semua daripada hadith tersebut adalah berstatus sahih, namun dalam urusan *adab* khususnya bab *targhib* serta *tarhib* penggunaan hadith daif ringan adalah dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan oleh para ulama hadith.

Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Islam

Tanggungjawab atau kewajipan kedua-dua ibu bapa terhadap anak-anak mereka cukup banyak, panjang dan berat, bahkan ia adalah tanggungjawab sepanjang umur mereka dan anak-anak mereka. Paling tidak sehingga anak-anak tersebut akil baligh dalam konteks berkaitan pendidikan agama dan berumur 18 tahun dalam konteks undang-undang sivil. Islam meletakkan anak-anak yang merupakan zuriat kedua ibu bapa sebagai amanah daripada Allah ﷺ yang mesti dilunaskan kewajipan terhadap mereka.

Ini kerana hubungan dan tanggungjawab ini tidak akan berakhir di dunia ini sahaja namun berlanjutan ke hari akhirat kelak. Sehingga ada anak-anak yang menjadi antara asbab kedua-dua ibu bapa ke syurga atau na'uzubillah ke neraka. Ibu bapa yang melaksanakan segala tanggungjawab dan kewajipan yang agama tentukan atas mereka, selain beroleh balasan yang baik di akhirat melalui anak-anak mereka, kemungkinan besar di dunia ini lagi mereka sudah mengecapi kesenangan dan kebahagiaan hingga ke hujung usia.

Abdullah Nasih ‘Ulwan (1928-1987) melalui karya agungnya yang berjudul *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām* yang kemudian diterjemah dan diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak tiga jilid, dengan tajuk *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam* (1998) membahas tuntas topik ini. Karya ini boleh dikatakan sebagai karya ulama Islam zaman moden paling lengkap dan masyhur bagi topik pendidikan anak-anak dalam Islam. Tidak ada ceruk dunia ini yang ada umat Islam membincangkan isu pendidikan anak-anak tanpa merujuk karya ini.

Dalam Jilid 1, Bahagian Kedua, Abdullah Nasih ‘Ulwan (1998: I/X-XVI) membahagikan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak kepada lima bahagian besar. Tanggungjawab tersebut ialah:

- i. Tanggungjawab Pendidikan Iman
- ii. Tanggungjawab Pendidikan Akhlak
- iii. Tanggungjawab Pendidikan Fizikal
- iv. Tanggungjawab Mendidik Akal Fikiran
- v. Tanggungjawab Pendidikan Jiwa

Manakala dalam Jilid 2, dalam Fasal Ketiga, Abdullah Nasih ‘Ulwan (2000: II/IX-XIII) membahaskan pula tentang Metodologi Pendidikan yang Berkesan Terhadap Kanak-kanak. Beliau rangkumkan sebagai:

- i. Pendidikan Melalui Tauladan
- ii. Pendidikan Melalui Kebiasaan
- iii. Pendidikan Melalui Nasihat
- iv. Pendidikan Melalui Pemerhatian
- v. Pendidikan Melalui Cara Balasan dan Denda

Kesemua ciri ini mempunyai keterangan dan penjelasan yang panjang lebar yang tidak mampu dibahaskan atau dinukulkan di sini. Sewajarnya karya ini diangkat menjadi karya rujukan sepanjang zaman dalam membahaskan topik ini.

Seterusnya dalam Jilid 3, Bahagian 3, Fasal 2 yang bertajuk Kaedah-kaedah Utama dalam Pendidikan Anak-anak. Abdullah Nasih ‘Ulwan (2000: III/V-XI) mengfokuskan terhadap perbahasan yang berikut:

- i. Kaedah-kaedah Hubungan
 - a. Hubungan Akidah
 - b. Hubungan Ruhaniah
 - c. Hubungan Fikiran
 - d. Hubungan Kemasyarakatan
 - Hubungan anak dengan Mursyid Rabbani
 - Hubungan anak dengan rakan yang baik
 - Hubungan anak dengan dakwah dan para pendakwah
 - Hubungan anak dengan permainan



- ii. Kaedah-kaedah Memberi Amaran
 - a. Peringatan terhadap murtad
 - b. Peringatan terhadap fahaman Mulhid (Ateis, Ilhad)
 - c. Peringatan tentang permainan yang haram
 - d. Peringatan tentang menirut membuta-tuli
 - e. Peringatan berkawan dengan orang jahat
 - f. Peringatan tentang keruntuhan akhlak
 - g. Peringatan tentang perkara yang haram
 - Berkaitan makanan dan minuman
 - Berkaitan pakaian, perhiasan dan perawakan
 - Berkaitan kepercayaan Jahiliah
 - Berkaitan perkara haram dalam pendapatan
 - Berkaitan unsur haram dalam adat Jahiliah

Ini semua adalah sebahagian daripada topik penting berdasarkan setiap jilid buku *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam* dari jilid 1 hingga 3. Berdasarkan sedutan sebahagian topik yang dibahaskan dalam buku tersebut, ternyata karya ini perlu diberikan perhatian serius oleh semua umat Islam dalam rangka sebagai rujukan pendidikan anak-anak pada zaman moden ini.

Prof. Dr. HAMKA dan Pendidikan Anak-anak

Sebagai tokoh ilmuwan Islam, dakwah dan pemikir besar umat Islam dari Nusantara ditambah jujukan karya yang mencecah lebih 120 judul termasuk tafsir lengkap 30 juzuk, sudah pasti hal ehwal pendidikan anak-anak tidak terlepas daripada perhatian HAMKA (1908-1981). HAMKA malah merakam dengan begitu rinci bagaimana pengalaman beliau dididik oleh ayahnya, Haji Abdul Karim Amrullah (1879-1945) yang juga dikenali sebagai Inyak Di Er atau Haji Rasul itu.

HAMKA menulis autobiografi berjudul *Kenang-kenangan Hidup* sebanyak empat jilid berasingan berdasarkan takah kehidupan beliau. Keempat-empat naskhah berasingan itu kemudian disatukan dalam penerbitan mutakhir karya tersebut. Hal ini mendorong penulis untuk menulis sebuah jurnal artikel yang berjudul “Faktor Persekitaran Sosial dalam Pembentukan Jati Diri HAMKA (1908-1981) Menurut Autobiografi *Kenang-kenangan Hidup* (1951)” yang diterbitkan oleh jurnal *Al-Hikmah* (UKM), Volum 13, No. 1, tahun 2021 yang lalu.

HAMKA menceritakan bagaimana ayahnya yang merupakan ulama besar sejak dari kecil sangat tegas dan keras dalam mendidiknya, segala-galanya tentang pendidikan diatur dengan begitu berdisiplin khususnya dalam memastikan dia belajar ilmu-ilmu daripada kitab-kitab besar ilmu-ilmu Islam yang menjadi silibus di Madrasah Sumatera Tawalib ayahnya dan Madrasah Diniah yang dia dihantar belajar. Namun sikap nakal dan suka bermain sebagaimana kanak-kanak biasa yang lain sering kali menyebabkan ayahnya marah dan tidak berpuas hati dengan sikapnya.

Namun seiring dengan perubahan masa dan umur, akhirnya kedua-dua anak dan ayah saling mengagumi dan menghormati antara satu sama lain. Sebagai seorang tokoh besar kepada seorang tokoh besar yang lain. Karya-karya HAMKA dari autobiografinya, biografi ayahnya sendiri, tafsir lengkap 30 juzuk dan di mana-mana sahaja akan terselit kenangan dan



penghargaan terhadap ayahnya itu dan antara yang HAMKA kenangkan sangat adalah didikan ayahnya yang tegas dan kemudian beliau berterima kasih akannya.

Untuk melihat secara spesifik pemikiran HAMKA berkaitan dengan pendidikan anak-anak, antara surah al-Quran yang signifikan untuk ditelaah ialah Surah Luqman. Kisah seorang lelaki yang Allah ﷺ kurniakan hikmah padanya dan bagaimana nasihat dan didikan kepada anaknya dalam surah yang dinamakan sempena nama beliau itu. Dalam mentafsirkan surah ini sudah pasti HAMKA banyak mendatangkan ulasan, pengalaman dan pandangan daripada perspektif seorang HAMKA yang pernah dididik oleh seorang ayah dan seorang Buya yang mendidik anak-anaknya serta anak bangsanya.

Justeru, dalam penulisan ini penulis mengangkat aspek-aspek yang istimewa berkaitan dengan pendidikan anak-anak oleh HAMKA secara khusus melalui pentafsiran beliau dalam Surah Luqman dalam *Tafsir Al-Azhar*. Antara karya mutakhir yang secara khusus memberikan perhatian kepada Surah Luqman melalui metode tafsir dan tadabbur antaranya karya Hasrizal Abdul Jamil (2021) berjudul *Hikmah & Karakter: Iktibar Pendidikan Daripada Nasihat-nasihat Luqman al-Hakim* dan karya Syaari Abdul Rahman (Cet. ke-3 2021) dengan judul *Indahnya Pesanan Luqman al-Hakim*. Sedikit sebanyak penulisan ini dipengaruhi oleh gaya persembahan dan pemikiran dalam berinteraksi dengan kalam Allah daripada dua orang tokoh tersebut.

Tema dan Topik dalam Surah Luqman

Dalam karya bertemakan sinopsis al-Quran berjudul *Fa Inni Qarib*, dinyatakan bahawa tema bagi Surah Luqman ialah “Kepentingan pendidikan berasaskan keimanan”. Surah ke-21 daripada susunan 114 surah al-Quran ini berada dalam Juzuk 21 dan mempunyai 34 ayat semuanya (Fakhri Fadzli 2022: 214-216). Tema atau intipati surah ini akan menjadi panduan bagi penulis mengekstrak pemikiran dan pandangan HAMKA dalam isu pendidikan anak-anak dalam tafsiran beliau terhadap Surah Luqman.

Surah Luqman boleh dibahagikan kepada empat bahagian besar yang mengfokuskan kepada topik masing-masing dalam rangka mencapai matlamat utama iaitu tema surah ini (Fakhri Fadzli 2022: 215):

TOPIK	KETERANGAN	AYAT
1	Al-Quran adalah hikmah dan berasal daripada Allah ﷺ yang Maha Bijaksana	2-3
2	Wasiat-wasiat Luqman al-Hakim kepada anak-anaknya	13-19
3	Dalil-dalil kebesaran Allah ﷺ	20-31
4	Persediaan menghadapi hari akhirat	32-34

Jadual: Pecahan Tema Surah Luqman

Penulis akan melihat wacana yang HAMKA kemukakan dalam keempat-empat topik yang bertepatan dengan tema “kepentingan pendidikan berasaskan keimanan” sama ada pendidikan secara umum atau pendidikan khusus terhadap anak-anak. Bacaan secara menyeluruh dilakukan terhadap tafsiran Surah Luqman dalam *Tafsir Al-Azhar* terbitan Gema Insani (HAMKA 2015: 7/87-115).

Analisis Topik 1

Al-Quran adalah hikmah dan ia daripada Allah ﷺ yang Maha Bijaksana, justeru antara fungsi al-Quran ialah sebagai ‘Petunjuk’ dan ‘Rahmat’ utama dalam mendirikan pendidikan berteraskan iman. Ini adalah kerana sumber bagi semua unsur keimanan termasuk iman kepada Allah, Malaikat, Nabi & Rasul, Kitab-kitab, Qada’/Qadar dan Hari Kiamat adalah kalam Allah yakni al-Quran. Malah kepercayaan kepada al-Quran sendiri termasuk dalam Rukun Iman bagi orang Islam. Kata HAMKA (2015: 7/90):

Ahli-ahli hikmah mengambilkan kesimpulan bahwa puncak dan puncak dari seluruh hikmah, atau hikmah sejati yang dapat dicapai oleh manusia ialah mengenal Allah SWT. رَأْسُ الْحِكْمَةِ مَخَافَةُ اللَّهِ “Puncak sekalian hikmah ialah takut akan Allah.”

Dapat difahami juga bahawa puncak keimanan adalah takut kepada Allah ﷺ yang sering kali disebut sebagai *taqwa* atau *khawf*. Justeru antara matlamat dan kepentingan pendidikan berteraskan iman adalah untuk melahirkan manusia yang mengenal Allah ﷺ sekali gus bersifat taqwa kepada Allah ﷺ. Namun berdasarkan ayat ke-3 Surah Luqman, al-Quran hanya akan menjadi ‘Petunjuk’ dan ‘Rahmat’ bagi mereka yang ‘Muhsinin’ dengan maksud golongan yang sentiasa melakukan kebaikan.

Untuk pendidikan berteraskan iman melahirkan manusia yang mengenal Allah ﷺ lantas bertaqwah kepada-Nya mestilah melalui Petunjuk dan Rahmat ini. Petunjuk ialah pimpinan atau bimbingan, makalah Rahmat pula ialah petanda kasih sayang Allah ﷺ kepada seluruh manusia bahkan seluruh alam. Antara Rahmat agung daripada Allah ﷺ ialah penurunan al-Quran dan pengutusan Nabi Muhammad ﷺ sebagai Rasul serta pentafsir al-Quran melalui perjalanan hidup baginda sendiri (*ibid.*).

Analisis Topik 2

Nasihat-nasihat Luqman kepada anaknya ialah petunjuk praktikal dalam pendidikan berteraskan iman oleh seorang ayah atau kedua-dua ibu bapa kepada anak-anak. Intipati nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya adalah seperti berikut (Fakhri Fadzli 2022: 215-216):

- Tidak mensyirikkan Allah ﷺ (Surah Luqman 31: 13)
“Jiwa yang dipenuhi oleh tauhid adalah jiwa yang merdeka. Tidak ada sesuatu jua pun yang dapat mengikat jiwa itu, kecuali dengan Allah SWT. Apabila manusia mempertuhankan yang lain, sedang yang lain itu adalah benda belaka atau makhluk belaka, manusia itu sendirilah yang membawa jiwanya jadi budak dari yang lain.” (HAMKA 2015: 7/97)
- Taati kedua-dua ibu bapa (Surah Luqman 31: 14)
“Tegasnya ialah bahwa Allah SWT memerintahkan kepada manusia agar mereka menghormati dan memuliakan kedua ibu-bapaknya. Sebab dengan melalui jalan kedua ibu-bapaknya itulah manusia dilahirkan ke muka bumi. Sebab itu sudah sewajarnya keduanya dihormati.” (HAMKA 2015: 7/97)

- Tidak mentaati kedua-dua ibu bapa dalam hal maksiat kepada Allah ﷺ namun dalam masa yang sama tetap beradab kepada mereka dalam selain urusan tersebut (Surah Luqman 31: 15)

“Ilmu yang sejati niscaya diyakini oleh manusia. Manusia yang telah berilmu amat payah buat digeserkan oleh sesamanya manusia kepada sesuatu pendirian yang tidak berdasar ilmiah. Bahwa Allah SWT itu adalah Esa, adalah puncak dari segala ilmu dan hikmah,” (HAMKA 2015: 7/99). HAMKA menukilkan kisah seorang Sahabat bernama Sa‘ad, yang menurut Tafsir Ibn Kathir ialah Sa‘ad bin Malik manakala menurut Tafsir al-Qurtubi pula Sa‘ad bin Abi Waqqas. Ibu Sa‘ad telah mogok lapar kerana anaknya masuk Islam dan mahu anaknya murtad, namun ia tidak menggoyangkan keimanan Sa‘ad. Dalam masa yang sama, Sa‘ad merayu dan memujuk serta bertegas bahawa dirinya tidak akan meninggalkan Islam dan meminta ibunya agar tidak terus mogok lapar kerana hal itu tiada gunanya. Sa‘ad berjaya mempertahankan akidahnya dan sekali gus memujuk ibunya berhenti mogok lapar (HAMKA 2015: 99).

- Sentiasa peka dengan pengawasan Allah ﷺ (Surah Luqman 31: 16)
“Sehingga sejak dari yang serba kasar dan besar sampai kepada yang serba halus dalam pengetahuan-Nya semua.”
“Ayat ini amat penting bagi memperteguh hubungan batin insan dengan Allah SWT, pengobat jerih payah atas amal usaha yang kadang-kadang tidak ada penghargaan dari manusia,” (HAMKA 2015: 100).
- Beribadat dan berdakwah kepada Allah ﷺ (Surah Luqman 31: 17). Sentiasa bersabar atas segala ujian (Surah Luqman 31: 17)
“Inilah empat modal hidup yang diberikan Luqman kepada anaknya dan dibawakan menjadi modal pula bagi kita semua, disampaikan oleh Muhammad saw. kepada umatnya,” (HAMKA 2015: 101). Iaitu; 1. Solat, 2. Menyuruh yang Ma’ruf, 3. Mencegah kemungkaran, dan 4. Sabar.

“Untuk memperkuat pribadi dan meneguhkan hubungan dengan Allah SWT, untuk memperdalam rasa syukur kepada Allah SWT atas nikmat dan perlindungan-Nya yang selalu kita terima, dirikanlah shalat. Dengan solat kita melatih lidah, hati dan seluruh anggota badan selalu ingat kepada Allah SWT,” (ibid.).

“Maka apabila pribadi telah kuat karena ibadah, terutama tiang agama, yaitu shalat lakukanlah tugas selanjutnya, yaitu berani menyuruhkan berbuat yang ma’ruf. Ma’ruf ialah perbuatan baik yang diterima baik oleh masyarakat. Berusahalah engkau jadi pelopor perbuatan yang ma’ruf itu,” (ibid.).

“Sesudah itu hendaklah berani pula menegur mana perbuatan yang mungkar, yang tidak dapat diterima oleh masyarakat,” (ibid.).

“Ingatlah sekalian Rasul yang dikirim Allah SWT memberi bimbingan kepada manusia, semuanya disakiti oleh kaumnya. Modal utama mereka ialah sabar,” (ibid.).

- Rendah diri dan berakhhlak mulia sesama manusia (Surah Luqman 31: 18-19)
“Ini adalah termasuk budi pekerti, sopan santun dan akhlak tertinggi,” (HAMKA 2015: 102).

Analisis Topik 3

Dalil-dalil kebesaran Allah ﷺ yang boleh dicerap melalui kezahiran makhluk ciptaan-Nya yang luar biasa memadai untuk akal yang waras faham kekuasan dan kebenaran kewujudan-Nya. Dalil Kawniyyat adalah pelengkap kepada dalil Maktubat dalam rangka pendekatan pendidikan berteraskan Iman. Tidak hanya ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith, namun fenomena alam dan segala isinya adalah bukti aqliyyah atau dalil aqli juga pembuktian saintifik dan emperikal untuk mensabitkan kewujudan Allah ﷺ. Kata HAMKA (2015: 7/105):

“Allah SWT menundukkan semua yang di langit untuk manusia. Matahari memberinya Cahaya pada siang hari, bulan memberinya sinar pada malam hari, bintang-bintang jadi pedoman manusia dalam pelayaran di laut ataupun di darat. Angin berembus di udara memberinya kesegaran udara. Mega berkumpul sampai pekat akan menjatuhkan hujan.”

HAMKA (2015: 106) terus mengulas dengan begitu luas dan dalam mengenai pentingnya untuk memerhatikan fenomena alam dalam rangka muh mengenali Allah ﷺ dengan sebenar-benarnya. Beliau benar-benar menekankan betapa penting menggunakan akal untuk mencapai hakikat dan kebenaran melalui cerapan dan kajian terhadap makhluk ciptaan Allah ﷺ. Menggunakan akal untuk faham betapa logiknya kemahakuasaan Allah ﷺ sekali gus memantapkan lagi keimanan terhadap Allah ﷺ.

Analisis Topik 4

Antara elemen pendidikan berteraskan Iman yang penting juga adalah pendidikan tentang persediaan menghadapi hari akhirat atau hari kiamat. Meskipun kita semua sudah mati saat kiamat berlaku kelak, namun kita diajarkan bahawa setiap daripada kita akan menghadapi kiamat kecil iaitu kematian setiap daripada kita sebagai insan, sebagai makhluk ciptaan Allah ﷺ.

HAMKA (2015: 7/113) mengulas ayat 32-34 dengan mendatangkan pelbagai contoh bencana alam yang saatnya manusia hadapinya, maka mereka akan membualat hati hanya memohon kepada Allah ﷺ untuk menyelamatkan mereka. Namun apabila mereka sudah selamat dan sampai ke darat terus mereka kembali kufur kepada Allah ﷺ. Seterusnya dinyatakan bahawa di akhirat kelak manusia perlu bergantung kepada dirinya sendiri terlebih dahulu sebelum orang lain khususnya dalam urusan Taqwa:

“Takwa kepada Allah SWT hendaknya usaha sendiri-sendiri. Jangan menggantungkan harapan karena bertali kekeluargaan dengan orang lain, walaupun dengan ayah, walaupun dengan anak.”

Nabi Nuh a.s. tidak dapat membantu anak dan isterinya yang tidak mahu naik ke kapalnya, Nabi Ibrahim a.s. tidak dapat membantu ayahnya Azar meskipun menyatakan kekesalan di

akhirat kelak (HAMKA 2015: 7/113-114). Begitu juga Nabi Muhammad ﷺ tidak dapat selamatkan pakciknya Abu Talib yang baginda anggap sebagai ayahnya sendiri kerana enggan mengucapkan dua kalimah syahadah pada saat akhir beliau meninggal dunia.

Kesimpulan

Keempat-empat topik atau eleman yang dikemukakan oleh Fakhri Fadzli (2022) melalui *Fa Inni Qarib* benar membuktikan bahawa Surah Luqman bermatlamatkan pendidikan berteraskan Iman. Hal ini dibuktikan lagi melalui data-data terbuka yang dikutip daripada *Tafsir Al-Azhar* sebagaimana yang dikemukakan di atas. Jika ditelusuri dengan lebih menyeluruh banyak lagi data-data yang boleh dinukilkhan bagi mengesahkan fakta ini, namun untuk penulisan ini data-data tersebut dinukilkhan sebagaimana kesesuaian sahaja.

Justeru, berdasarkan Surah Luqman ini model pendidikan berteraskan Iman adalah dengan memahamkan anak-anak bahawa al-Quran adalah sumber segala ilmu dan hikmah, melakukan tarbiah sebagaimana yang Luqman lakukan terhadap anaknya sedari mereka masih kanak-kanak, memahamkan anak-anak akan dalil kebesaran Allah ﷺ khususnya melalui ayat *Maktubat* dan *Kawniyyat* dan memahamkan anak-anak akan pentingnya persediaan untuk menghadapi balasan pada hari akhirat termasuk akhirat kecil yakni kematian.

Rujukan

- ‘Ulwan, A. N. (1987). [تربية الأولاد في الإسلام]. Cairo, Egypt: دار السلام.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (1998). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam* (Jld. 1). Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (2000). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam* (Jld. 2, Terj. Osman Haji Khalid et al.). Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (2000). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam* (Jld. 3, Terj. Osman Haji Khalid et al.). Kuala Lumpur: JAKIM.
- al-Bukhari, M. bin I. (870M). [الكتاب العلمي: أدب المفرد]. Beirut, Lebanon: دار الكتب العلمية.
- al-Khin, M., al-Bugha, M. D., & Syarbaji, A. (n.d.). [الفقه المنهجي على مذهب الشافعى]. al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Shafi‘i]. Damascus, Syria: دار الفكر.
- al-Zuhayli, W. M. (2015). [الفقه الإسلامي وأدنه]. [al-Fiqh al-Islami wa ‘Adillatuhu]. Damascus, Syria: دار الفكر.
- Fakhri Fadzli. (2022). *Fa Inni Qarib*. Bangi: Jejak Tarbiah.
- HAMKA. (2015). *Tafsir Al-Azhar* (Jld. 7). Depok: Gema Insani.
- Hasrizal Abdul Jamil. (2021). *Hikmah & karakter: Iktibar pendidikan daripada nasihat-nasihat Luqman al-Hakim*. Semenyih: Abideen Press.
- Imam al-Zahabi. (2017). *Dosa-dosa besar* (Terj. Muhammad Nazreen Abd Rahman et al.). Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd Zabidi, A. Z., & Wan Abdullah, W. N. (2021). Faktor persekitaran sosial dalam pembentukan jati diri HAMKA (1908-1981) menurut autobiografi *Kenang-kenangan hidup* (1951). *Al-Hikmah*, 13(1), 72-96. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/446>
- Quran Explorer. (n.d.). *Quran*. Retrieved from <https://www.quranexplorer.com/Quran/>
- Syaari Abdul Rahman. (2021). *Indahnya pesanan Luqman al-Hakim* (Cet. ke-3). Dengkil: Paradigma Ibrah.